

30 JUN 2000

Mahathir-MT

TIDAK ADA CUKUP TEMPAT UNTUK LANTIK SEMUA MB DALAM MT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak dapat melantik semua Menteri Besar sebagai anggota Majlis Tertinggi Umno kerana tempat yang terhad bagi jawatan itu.

Katanya beliau terpaksa memberi pertimbangan kepada pihak lain seperti wanita dan mereka yang boleh menyumbang kepada MT.

"Kita tak ada banyak tempat, ada 10 sahaja, kita hendak beri pada orang lain sama," kata Presiden Umno itu kepada pemberita selepas merasmikan seminar dan dialog antarabangsa mengenai peningkatan kefahaman terhadap Islam untuk media di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas senarai 10 nama yang dilantik anggota MT Umno yang diumumkan hari ini yang menyaksikan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad tidak dilantik semula.

Dr Mahathir berkata lebih ramai wanita dilantik kali ini kerana tiada calon wanita yang berjaya pada pemilihan parti bulan lepas.

"Kita juga mahukan beberapa orang yang merupakan anggota Umno atau menyokong Umno tetapi tidak akan berpeluang untuk dipilih oleh Umno...jadi mereka juga boleh menyumbang," katanya.

Dr Mahathir berkata Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam dilantik sebagai anggota MT kerana Umno kuat di Sabah dan memerlukan wakil di peringkat itu.

Mengenai pelantikan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, Dr Mahathir berkata Musa merupakan muka baru yang boleh menyumbang kepada parti.

"Beliau bukan seorang aktivis, beliau tidak bertanding, tetapai beliau memegang portfolio yang amat penting," katanya.

Senarai yang dilantik anggota MT itu diumumkan dalam satu kenyataan oleh Setiausaha agung parti Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Tiga wanita yang dilantik ialah bekas ketua pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Pengerusi Bank Rakyat dan anggota Majlis Tindakan Ekonomi Negara Dr Norraesah Mohamad dan peguam Azlina Othman.

-- BERNAMA

AFY AHH RON